# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 31 MEI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | AGRICULTURE MINISTRY SAYS IDENTIFYING BEST MODEL TO DEVELOP FARM LANDS BELONGING TO, NEWS, MALAY MAIL -3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. | PERKUKUHKAN RANTAIAN INDUSTRI, BISNES SINAR, SH -40 | BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB) |
| 3.<br>4.<br>5. | RAIH JUALAN HAMPIR RM5 JUTA, NEWS, BH (JOHOR) -67<br>FAMA SASAR NILAI JUALAN RM9 JUTA, TEMERLOH, SH -34<br>300 LOKASI BAZAR AIDILFITRI IAT, DALAM NEGERI, UM -14 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 6.<br>7. | WHOLE DURIAN IMPORT TO MALAYSIA APPROVED, NATION, CHINA PRESS -A1, A8<br>SPESIES TERANCAM DI SUNGAI REMBAU, MEGA SAINS, UM -26 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Ministry says identifying best model to develop farm lands belonging to senior | | |
| MediaTitle | Malay Mail(www.malaymail.com) | | |
| Date | 31 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 3 | Readership | 6 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,500 |

# Agriculture Ministry says identifying best model to develop farm lands belonging to

PENDANG, May 30 — The Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) is identifying the best model in bringing together farm lands belonging to senior citizens in the country, to ensure good governance in land administration.
Its minister Datuk Sa...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2019 | SINAR HARIAN | BISNES SINAR | 40 |

# Perkukuhkan rantaian industri

LAPORAN dijalankan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) telah mengkaji cabaran yang dihadapi oleh industri padi dan beras merentasi keseluruhan rantaian bekalan.

Laporan itu turut mencadangkan agar keseluruhan rantaian industri padi negara yang melibatkan tiga fokus utama iaitu pesawah, keselamatan makanan dan keperluan pengguna perlu diperkukuhkan.

"Perlaksanaan sistem rangkaian industri padi dan beras yang holistik mampu mengekalkan kemapanan industri, sekaligus menjaga tiga tunjang utama rangkaian itu secara keseluruhan," menurut laporan berkenaan yang bertajuk 'Status Industri Padi dan Beras di Malaysia'.

Laporan itu turut menekankan bahawa keseluruhan rantaian industri padi domestik mesti diperkuat jika terdapat sebarang langkah untuk meliberalisasikan sektor itu.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Raih jualan hampir RM5 juta | | |
| MediaTitle | Berita Harian (Johor) | | |
| Date | 31 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 9,832 |
| Page No | 67 | Readership | 29,496 |
| Language | Malay | ArticleSize | 265 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,097 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,291 |



**PROGRAM MY BEST BUY**

# Raih jualan hampir RM5 juta

## Program anjuran FAMA dapat sambutan menggalakkan

**Iskandar Puteri**

Program My Best Buy anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di negeri ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai dengan jumlah jualannya sehingga kini mencecah hampir RM5 juta.

Pengarah FAMA Johor, Shahrizan Sudirman, berkata menerusi program berkenaan juga, turut dicatatkan jumlah penjimatan sebanyak RM650,000 sejak 2014.

"Sejak 2014, menerusi program ini kami mencatatkan jumlah jualan hampir RM5 juta dengan jumlah penjimatan jika diambil purata, berlaku penjimatan sebanyak RM650,000 di negeri ini saja," katanya selepas majlis pelancaran program My Best Buy Pra-Aidilfitri 2019 di Kota Iskandar, Iskandar Puteri, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahruddin Jamal dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Tosrin Jarvanthi.

### Tawar harga berpatutan

Selain di Kota Iskandar, program My Best Buy juga turut diadakan di Pangsapuri Desa Datuk Hajah Hasnah di Johor Bahru dan pasar tani khas dijangka dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub pada Sabtu ini di Pasar Tani Datin Halimah.

"Objektif penganjuran program seumpama ini bertujuan membantu masyarakat yang terbeban dengan peningkatan kos sara hidup masa kini.

"Jadi, kami gunakan platform ini untuk tawarkan barang kepada pengguna pada harga paling berpatutan, selain memberi peluang kepada peniaga tempatan berniaga di kawasan yang kami sediakan," katanya.

**BERNAMA**

[FOTO BERNAMA]



***Sahruddin dibantu Tosrin (tengah) sambil diperhatikan Shahrizan (kanan)*** *membuat lemang buluh sebagai merasmikan program My Best Buy di Kota Iskandar, Iskandar Puteri, semalam.*

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2019 | SINAR HARIAN | TEMERLOH | 34 |

# Fama sasar nilai jualan RM9 juta

***Nilai jualan melibatkan 300 bazar Ramadan seluruh negara***

ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyasarkan nilai jualan keseluruhan kira-kira RM9 juta menerusi Bazar Industri Asas Tani (IAT) Aidilfitri 2019 bagi tahun ini.

Ketua Pengarah Fama,Datuk Ahmad Ishak berkata,nilai jualan itu membabitkan 9000 peserta yang terlibat daripada 300 bazar berkenaan di seluruh negara.

Menurutnya,tahun ini terdapat peningkatan jumlah bazar,peserta dan kualiti produk yang terlibat berbanding tahun sebelumnya.

"Bazar ini telah dijalankan sejak 2011 dan sepanjang tempoh tersebut ia telah meraih nilai jualan hampir RM2 juta.

"Dengan peningkatan jumlah lokasi,produk dan kualiti yang ada kita menyasarkan nilai jualan keseluruhan kira-kira RM9 juta,"katanya lagi.

Beliau berkata sedemikian kepada pemberita sempena pelancaran Bazar IAT Aidilfitri dan Pengiklanan Digital Agromas Fama-Anih Berhad 2019 di Hentian Rehat dan Rawat Temerloh Hala Timur kelmarin.

Turut berlangsung sesi walkabout ke gerai jualan dan pengedaran goodies beg kepada pengguna di hentian tersebut.



Ahmad menyerahkan cenderamata kepada pengguna Hentian R&R Temerloh Hala Timur kelmarin.

Selain tiga pengusaha di Hala Timur,dua lagi pengusaha terbabit di RNR Hala Barat menyertai bazar tersebut.

Dalam pada itu,beliau turut menghargai kerjasama yang diberikan oleh pihak Anih Berhad berikutan kewujudan paparan skrin digital terbabit di lapan lokasi milik konsesi lebuhraya terbabit.

"Paparan skrin ini memberikan peluang kepada pengunjung untuk melihat senarai produk yang ada serta dapat membuat tempahan atas talian,"ujarnya

Lapan lokasi yang menyediakan paparan skrin itu selain di RNR Temerloh,di Gambang Timur dan Baray,Genting Sempah,Plaza Tol Gombak,Plaza Tol Bentong dan Kilometer 21 arah Kuala Lumpur.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 14 |

# 300 lokasi Bazar Aidilfitri IAT

**Oleh SALEHUDIN MAT RASAD**
utusanktn@utusan.com.my

■ **TEMERLOH 30 MEI**

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan program Bazar Aidilfitri Industri Asas Tani (IAT) pada tahun ini mampu mencecah RM9 juta dengan penglibatan 9,000 usahawan tani di seluruh negara.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata, sebanyak 300 lokasi dibuka serentak di kawasan strategik di setiap daerah bagi membolehkan orang ramai membeli barangan keperluan Hari Raya.

Kata beliau, setiap lokasi melibatkan sekurang-kurangnya 30 usahawan yang menawarkan lebih 100 jenis produk termasuk barangan basah dihasilkan oleh golongan itu yang menerima bantuan daripada FAMA serta pengusaha industri kecil dan sederhana.



**AHMAD ISHAK (tengah) menunjukkan produk usahawan dalam pelancaran Bazar Aidilfitri IAT dan Pengiklanan Digital Agromas FAMA-Anih Berhad 2019 di Temerloh, Pahang, kelmarin.**

"Pengunjung boleh mendapatkan produk-produk makanan seperti kuih raya, serunding, rendang dan ketupat beku selain membeli pakaian yang bermutu.

"Produk yang dijual di Bazar Aidilfitri IAT dijamin bermutu yang mana setiap usahawan telah dilatih mengutamakan kualiti dan aspek pemasaran memenuhi citarasa pengguna," katanya selepas melancarkan Bazar Aidilfitri IAT dan Pengiklanan Digital Agromas FAMA-Anih Berhad 2019 di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Lebuhraya Pantai Timur (LPT), di sini semalam.

| Headline | Whole durian import to Malaysia approved | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 31 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A1,A8 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 944 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 18,621 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 55,863 |



# 大馬冷凍原粒帶殼榴槤 獲准進口中國了

獨家報導

（吉隆坡30日讯）大马冷冻原粒带壳榴梿，可以进口中国了！

根据本报从特殊管道取得、日期为今天，即本月30日发出的《中华人民共和国海关总署》公告，指当局即日起，允许符合相关检验检疫要求的大马冷冻榴梿进口中国。

根据部分公告内容，进口马来西亚冷冻榴梿的检验检疫要求，是指负18度以下所储藏；而在运输之前，果肉和果泥需经过负30度或以下冷冻30分钟；带壳则是负80度至负110度，冷冻不少于1小时。

文轉A8





中华人民共和国海关总署

公　告

2019年　第95号

(www.customs.gov.cn)

特此公告。

■中国海关公告指即日起，大马冷冻榴梿获准进口中国。



Powered by: isentia

| Headline | Whole durian import to Malaysia approved | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 31 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A1,A8 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 944 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 18,621 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 55,863 |

**·獲准進口中國了·**

# 包裝管理有特定規範

文接封面

此外，公告也列明果园管理的条例，包括需要在大马农业部指导下，拥有良好的农业规范；而果园也需要构建网状结构，防止榴梿掉落地面；而且在采收及采后处理过程中，需避免榴梿与土壤和植物碎屑接触等。

至于包装厂管理，也有特定的规范，即需符合良好操作规范（GMP）。

公告也详细列明了包装要求、出口前检验检疫、植物检疫证书要求等规范。

公告更警告，一旦发现来自未经注册加工厂的榴梿试图进口，除了退回或销毁，也将要求大马农业部采取行动；而如果发生的案例频密，中方有权暂停大马冷冻榴梿的进口，直到有关要求得到满足为止。



■大马冷冻带壳榴梿获准进口中国。（档案照）

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA SAINS | 26 |

**Ralat & Rawat**



Bersama
DR. AHMAD ISMAIL

Siri 118



SPESIES buaya yang kian terancam

# Spesies terancam di Sungai Rembau

SUNGAI Rembau didatangi pelancong tempatan dan antarabangsa kerana keunikannya. Antara keunikan utama di Sungai Rembau adalah udang galah, buaya dan kelip-kelip. Lebih 100 pemancing udang galah boleh dilihat semasa hari cuti sepanjang Sungai Rembau dan Sungai Linggi.

Mungkin dengan potensi yang ada pihak berkaitan boleh melihat Sungai Rembau sebagai aset penting bagi Negeri Sembilan dan Melaka untuk ekopelancongan. Persekitaran sungai mesti dijaga bagi memastikan sistem ekologi Sungai Rembau optimum dan diuruskan dengan baik.

Masyarakat tempatan perlu diberi pendidikan dan kesedaran serta pegawai kerajaan jabatan terlibat mempunyai pengetahuan asas tentang ekologi dan kepelbagaian biologi sungai.

Aktiviti pelebaran sungai bagi mengurangkan kejadian banjir kilat, melombong pasir, pemburuan haram dan pencemaran bahan kimia boleh mengancam populasi buaya di sungai-sungai di negara ini. Penyelenggaraan Sungai Rembau misalnya bagi mengelakkan kejadian banjir di kawasan perumahan bakal mengganggu habitat buaya seperti yang telah berlaku di Sungai Linggi. Ancaman besar bagi buaya adalah gangguan habitat apabila ada projek pembangunan atau naik taraf sungai bagi tujuan kawalan banjir.

Antara sebab banjir berlaku adalah disebabkan sungai cepat menjadi cetek dan semak samun di tebing sungai.

Larian air permukaan mungkin membawa tanah permukaan ke sungai.

Pencemaran nutrien mungkin juga menggalakkan tumbuh-tumbuhan hidup dengan cepat. Apabila sungai cetek dan semak, maka ia tidak dapat menampung larian air permukaan ketika hujan lebat lalu menyebabkan banjir.

Selain itu, sungai juga menerima bahan kimia yang boleh mencemar air.

Langkah kawalan pencemaran adalah menerusi pendidikan dan kesedaran untuk memulihara sungai kepada penduduk tempatan, pemaju, pengilang dan petani di samping penguatkuasaan undang-undang.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) di Melaka dan Negeri Sembilan perlu mengambil tindakan bagi menjaga kualiti air sungai bersama jabatan lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian. Kualiti air sungai Kelas IIB dan III mesti ditambah baik dengan menguruskan input ke sungai.

Kawalan terhadap buangan dari aktiviti kilang, pertanian, perumahan, sampah sarap termasuk plastik dan kelodak mesti dipantau.

Kira-kira 60 peratus kawasan lembangan Sungai Rembau adalah kawasan pertanian, perumahan (30 peratus) dan industri (10 peratus).

Pengurusan sungai tidak lagi seperti yang selalu diamalkan tetapi mestilah berdasarkan fungsi sungai untuk kepentingan masyarakat.

Budaya menjadikan sungai untuk mengalirkan air lebihan semasa banjir, tempat membuang sampah dan kotoran sudah berlalu. Sungai Rembau yang sangat berpotensi sebagai sumber perikanan dan pelancongan perlu diberikan perhatian.

Pencemaran plastik juga boleh membunuh buaya. Di Australia, buaya ditemukan mati kerana memakan banyak beg plastik di kawasan berdekatan *Great Barrier Reef* pada 2008.



Plastik menjadi padat dalam perutnya dan tidak boleh mencerna makanan yang dimakan. Haiwan mana pun tidak boleh hidup jika terdapat 25 beg plastik yang padat di dalam perutnya. Kes seperti ini mungkin boleh berlaku di Sungai Rembau sekiranya tidak dijaga.

Lebih banyak kajian tentang buaya di Borneo berbanding di Semenanjung. Hasil kajian dari Jun 1987 hingga Julai 1988 di sepanjang 37 kilometer Sungai Klias, Sabah yang diterbitkan dalam jurnal *Biological Conservation* 1994 melaporkan 182 buaya dilihat dengan kepadatan antara 1.1 hingga 3.6 ekor setiap kilometer. Sebanyak 63.3 peratus juvenil, 12.6 peratus *subadult* dan 24.2 peratus dewasa direkodkan.

Buaya banyak di kawasan hutan bakau dan taburan mereka tiada kesan kepada saliniti (kemasinan) dan suhu.

Buaya memainkan peranan bagi memastikan ekosistem itu sihat dan kehidupan di ekosistem berkenaan stabil dari segi ekologinya.

Terdapat satu kajian tentang buaya di Sungai Rembau yang diterbitkan dalam *Proceedings Postgraduate Colloquium 2009/2010*. Pada 2010 dilaporkan 60 ekor di Sungai Rembau dan Sungai Linggi.

Secara amnya tidak banyak kajian tentang buaya di negara ini. Kajian yang ada hanya terhad kepada perkara asas taksonomi dan ekologi seperti yang dilaporkan dalam *Trends in Undergraduate Research* 2018 dan *Biological Conservation* 1994.

Selain buaya, terdapat aktiviti rekreasi penting iaitu memancing udang galah.

Sejarah menunjukkan udang galah banyak di Sungai Rembau.

Bagi memastikan populasi udang galah stabil, sebanyak satu juta benih udang bernilai RM120,000 dilepaskan oleh Jabatan Perikanan ke dalam Sungai Rembau pada 2017.

Jumlah benih udang galah yang banyak itu bertujuan pemuliharaan sumber perikanan negara.

Langkah ini berikutan pendaratan udang galah semakin berkurangan sejak 2011 sebanyak 3.52 tan metrik kepada 0.61 tan metrik pada 2015.

Di samping menjamin kelestarian populasi udang galah, pelepasan tersebut diharapkan dapat meningkatkan sosioekonomi nelayan dan penduduk setempat.

Kelip-kelip juga penting dalam ekosistem sungai bukan sahaja untuk kepentingan pelancongan tetapi banyak perkara lagi dari segi biologi dan ekologinya yang belum diketahui.

Di Sungai Rembau kelip-kelip dari genus *Pteroptyx* merupakan spesies yang dominan. Spesies tersebut suka habitat sungai yang ditumbuhi pokok nipah (*Nypa fruticans*) dan berembang (*Sonneratia caseolaris*).

Hubung kait pokok nipah dan pokok berembang dengan tebing sungai serta air pasang surut dan siput-siput sangat penting difahami bagi

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA SAINS | 27 |



## INFO

**Terdapat 23 spesies buaya dalam keluarga *Corodylidae***

- Spesies *Crocodylus porosus* merupakan buaya yang paling besar.
- Saiz buaya dewasa normal enam meter dan berat antara 200 hingga 1000 kilogram.
- Walau bagaimanapun saiz buaya bergantung kepada lokasi, habitat dan gangguan terhadap spesies ini.
- Spesies ini terdapat di kawasan tropika dari pantai India hingga Asia Tenggara ke utara Australia dan Mikronesia.
- Habitatnya di air masin, air payau, air tawar di muara sungai dan tasik.
- Buaya selalu ditemukan di kawasan pasang surut pantai bakau.
- Buaya makan ketam, katak, reptilia, ikan, mamalia termasuk manusia.
- Buaya juvenil memakan serangga. Sarang dibuat menggunakan tumbuhan di tebing sungai oleh haiwan betina.
- Buaya betina menghasilkan kira-kira 80 biji telur dan dijaga oleh haiwan dewasa.
- Buaya dianggap berbahaya kepada manusia yang berkongsi habitat dengannya.
- Buaya diburu untuk kulitnya sehinggalah 1970-an dan menjadi terancam akibat kehilangan habitat dan pemburuan.
- Menurut Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN), buaya tembaga masih mempunyai risiko rendah untuk pupus berdasarkan pemantauan berkala pasukan pakar buaya pada 1996. Di Malaysia buaya dilindungi oleh Akta Perlindungan Hidupan liar 1972.

menjamin kelestarian populasi kelip-kelip.

Hasrat kerajaan dalam pemuliharaan buaya, kelip-kelip dan udang galah di Sungai Rembau sangat baik untuk kepentingan sosioekonomi penduduk setempat dan negara.

Malangnya sejauh mana perkara asas iaitu pemantauan kualiti habitat haiwan berkenaan, pertambahan populasi, keupayaan sungai menampung pemancing, tangkapan melebihi had dan penyelenggaraan kelestarian sungai diberi perhatian oleh penduduk tempatan dan pihak bertanggungjawab perlu diberikan penilaian sewajarnya.